

SOALAN LAZIM
AKAUN PELABURAN BERJANGKA-i (TIA-i)
[\(English Version\)](#)

Pengenalan tentang TIA-i

1. Apakah itu TIA-i?

TIA-i ialah sejenis Akaun Pelaburan berdasarkan kontrak Syariah perkongsian keuntungan, yang dikenali sebagai kontrak *Mudarabah*. Kontrak *Mudarabah* adalah di antara Pemegang Akaun Pelaburan (IAH) sebagai Pelabur atau Pemberi Modal (*Rabbul Mal*) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (HLISB) sebagai pengurus pelaburan atau pengusaha (*Mudharib*).

2. Apakah kelebihan melabur dalam TIA-i?

TIA-i menyasarkan pulangan yang stabil dan konsisten yang secara amnya lebih tinggi daripada akaun bertempoh/ deposit tetap untuk tempoh masa yang dipersetujui melalui pelaburan berisiko rendah.

3. Apakah tempoh pelaburan yang ditawarkan untuk TIA-i?

Tempoh pelaburan yang ditawarkan ialah 1, 3, 6, 9 dan 12 bulan.

4. Siapakah yang boleh melabur dalam TIA-i?

Individu berusia 18 tahun ke atas dan perniagaan tunggal (yang mempunyai Akaun Semasa/Akaun Simpanan Individu Hong Leong Bank Berhad (HLBB) (CASA) atau Akaun Semasa-i/Akaun Simpanan-i Individu Hong Leong Islamic Bank Berhad (HLISB) (CASA-i).

5. Adakah TIA-i produk patuh Syariah?

Ya, TIA-i ialah produk patuh Syariah dan tertakluk di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA). TIA-i juga di bawah seliaan Jawatankuasa Syariah HLISB (HLISB SC) dan Bank Negara Malaysia (BNM).

6. Adakah TIA-i mempunyai risiko?

TIA-i merupakan produk pelaburan berisiko rendah.

7. Adakah akaun bersama dibenarkan di bawah TIA-i?

Tidak, hanya akaun individu dibenarkan untuk melabur dalam TIA-i.

Portfolio Pelaburan

8. Di manakah dana tersebut akan dilaburkan?

Dana tersebut akan dilaburkan dalam Pembiayaan Hartanah-i, Pembiayaan Peribadi-i, dan Pembiayaan Berjangka-i dalam HLISB.

9. Siapakah yang akan menguruskan dana pelaburan dalam TIA-i?

HLISB.

10. Bolehkah saya mengarahkan HLISB tentang cara menguruskan pelaburan saya dalam TIA-i?

Tidak, anda tidak boleh memberi sebarang arahan atau syarat kepada HLISB tentang cara menguruskan pelaburan anda kerana struktur produk telah ditentukan terlebih dahulu seperti yang dinyatakan dalam Helaian Pendedahan Produk (PDS).

Pembukaan Akaun TIA-i

11. Bagaimanakah cara saya melabur dalam TIA-i?

Untuk melabur dalam TIA-i, anda mestilah terlebih dahulu mempunyai CASA-i dengan HLISB atau CASA dengan HLBB. Anda boleh melabur dalam TIA-i melalui;

- HLB Connect melalui <https://s.hongleongconnect.my/>; atau
- Platform In-Branch di mana-mana cawangan.

12. Apakah langkah-langkah untuk melabur dalam TIA-i melalui HLB Connect?



Pemegang Akaun Pelaburan (IAH) dinasihatkan untuk membaca Terma & Syarat dan Helaian Pendedahan Produk yang tersedia di Hong Leong Connect dan laman web HLISB sebelum membuat sebarang langganan.

13. Adakah TIA-i tersedia untuk pelaburan melalui cawangan-cawangan bank?

Boleh, melalui Platform In-Branch.

14. Berapakah jumlah pelaburan minimum untuk TIA-i?

Jumlah minimum TIA-i ialah Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) untuk kadar niaga. Walau bagaimanapun, jumlah pelaburan minimum akan bergantung pada terma promosi semasa tempoh kempen.

15. Berapakah jumlah pelaburan maksimum untuk TIA-i?

Tiada jumlah pelaburan maksimum untuk TIA-i. Walau bagaimanapun, semasa tempoh kempen, jumlah pelaburan maksimum akan bergantung pada terma promosi.

16. Adakah saya boleh melabur kurang daripada amaun minimum pelaburan?

Tidak.

Pelaburan dan Pengeluaran

17. Adakah Platform In-Branch mempunyai had transaksi?
Tiada had melalui Platform In-Branch.
18. Adakah terdapat sebarang ciri pembaharuan automatik untuk TIA-i?
Ya, ada. Pelabur boleh memilih pilihan berikut untuk pembaharuan secara automatik:
- **Prinsipal sahaja:**
Hanya amaun prinsipal yang akan diperbaharui; keuntungan akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Pelabur; atau
 - **Prinsipal dan Keuntungan:**
Kedua-dua prinsipal dan keuntungan akan diperbaharui.
19. Bolehkah saya menebus pelaburan TIA-i saya sebelum tarikh matang?
Kami tidak menggalakkan penebusan awal. Walau bagaimanapun, penebusan awal dibenarkan tetapi tiada keuntungan yang akan dibayar.
20. Adakah pengeluaran sebahagian dibenarkan?
Tidak.

Pembahagian Keuntungan

21. Bagaimanakah cara saya menerima keuntungan?
Pembayaran keuntungan akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i berdasarkan Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR) yang telah dipersetujui bersama. Untuk maklumat lanjut tentang PSR, sila rujuk PDS di [sini](#).
22. Bilakah saya akan mendapat keuntungan?
Keuntungan akan dikreditkan pada akhir tempoh pelaburan.
23. Adakah pulangan keuntungan dijamin?
Tidak, kadar pulangan untuk pelaburan TIA-i ialah kadar keuntungan indikatif.
24. Bolehkah pulangan keuntungan saya lebih tinggi daripada kadar keuntungan indikatif?
Tidak, kerana anda telah bersetuju untuk melepaskan lebih keuntungan melebihi kadar keuntungan indikatif di bawah konsep Syariah Tanazul.
25. Adakah terdapat kemungkinan bahawa saya akan mengalami kerugian atau tidak memperoleh sebarang keuntungan melalui pelaburan TIA-i?
Ya, ia boleh berlaku disebabkan oleh faktor-faktor seperti kegagalan pasaran secara menyeluruh, krisis kewangan/ekonomi, force majeure (seperti peperangan, bencana alam, dsb.) atau lain-lain faktor. Berlandaskan kontrak *Mudarabah*, pelabur akan menanggung kerugian kecuali jika kerugian tersebut berpunca daripada salah laku, kecuaihan dan pelanggaran terma tertentu oleh pihak HLISB.

Fi dan Caj

26. Adakah terdapat sebarang fi (bayaran) dan caj untuk pelaburan TIA-i?

Tiada.

Soalan Umum

27. Adakah saya akan mendapat penyata akaun untuk TIA-i?

Ya, penyata akaun boleh didapati dalam HLB Connect.

28. Apakah pelayar yang boleh menyokong pautan HLB Connect?

Semua pelayar mampu mengakses Platform HLB Connect termasuklah Internet Explorer, Mozilla Firefox, Google Chrome, Safari, dll.

29. Adakah terdapat sebarang kos untuk mendaftar HLB Connect?

Tidak, tiada kos untuk mendaftar HLB Connect.

30. Mengapakah saya perlu mengambil Penilaian Kesesuaian (HLCRP)?

HLCRP digunakan untuk mengukur profil/citarasa risiko anda supaya HLISB boleh mengingatkan anda sekiranya sesuatu pelaburan tersebut tidak sepadan dengan profil risiko pelabur. Ini bagi memastikan anda sentiasa dimaklumkan dengan baik tentang risiko dalam membuat keputusan pelaburan tertentu.

31. Bagaimanakah HLCRP akan membantu saya dalam membuat keputusan pelaburan saya?

HLCRP menilai anda dalam 3 bidang utama:

- Keupayaan kewangan;
- Keperluan dan selera pelaburan; dan
- Pengetahuan dan pengalaman pelaburan.

Penilaian ini direka untuk mendapatkan pandangan yang paling tepat tentang profil risiko anda. Walau bagaimanapun, ketepatan penilaian ini bergantung kepada ketelusan anda dalam menjawab setiap soalan.

32. Adakah TIA-i dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)?

Produk ini **TIDAK** dilindungi oleh PIDM.